

| | |
|-----------|----------------|
| Newspaper | Suara Keadilan |
| Date | 9/4/2013 |

Kenapa Najib beli senjata sebelum bubar Parlimen?

Oleh MOHD ARIF JUHANI

DATUK Seri Anwar Ibrahim mempersoal tindakan kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak yang tergesa-gesa membeli peralatan persenjataan, hanya seminggu sebelum Parlimen dibubar.

"Seminggu sebelum bubar, beli lagi senjata RM4 bilion, tak sabar. Sain (tandatangan) cepat-cepat," katanya depan hampir 10,000 orang pada Jelajah Merdeka Rakyat di sini, malam tadi.

Beliau tekad membatalkan kontrak itu sebaik sahaja Pakatan Rakyat menawan Putrajaya dengan mengambil kira nasihat pegawai tentera.

"Kita menang, saya batalkan kontrak. Kita minta (pandangan) pegawai tentera, kena tanya orang yang pakar. Mana ada orang tahu semua bidang, jadi jangan takbur," katanya.

Beliau berkata, masalah keselamatan dan pertahanan

yang berlaku dalam negara ini berlaku akibat ia dikendali oleh orang yang tidak berkelayakan khususnya kroni Umno BN.

"Kalau alatan pertahanan laut, serahkan urusan ini kepada Laksamana (B) Imran Abdul Hamid sebab dia berpengalaman, bukan bagi pada kroni Umno.

"Kalau tidak, mereka pilih senjata yang boleh dapat komisen yang banyak. Macam kes beli dua kapal selam (Scorpene), komisen RM500 juta," katanya.

Selain itu, Anwar berkata, kerajaan baru Pakatan juga akan menghentikan kontrak minyak dengan syarikat kroni milik anak mantan Perdana Menteri untuk dipulangkan kepada rakyat.

"Kita bukan cemburu dengan kekayaan sesiapa, masalahnya harta dimiliki segelintir pihak hingga mencecah angka bilion tetapi rakyat bawahan hidup susah," katanya.

Suara Keadilan - 9/4/2013